

Hospital Rembau dibuka Januari ini

**Sedang
lengkapkan
70,000 alat
perubatan
dan bukan
perubatan
sebelum
beroperasi**

SARINAH MAT KASIM

REMBAU

Hospital Rembau bakal dibuka sepenuhnya bermula Januari tahun hadapan selepas pen-
litan dan ujian peralatan

berada dalam keadaan baik dan sempurna.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, Jabatan Kerajaan (KKR) sudah menyerahkan bangunan berkenaan kepada Kementerian Kesihatan pada 30 Oktober lalu.

Menurutnya, bagaimana pun, wad ibu dan anak dan Unit Bahagian Keemasan dijangka akan dibuka penghujung tahun ini bagi membolehkan masyarakat setempat mendapatkan perkhidmatan lebih awal.

"Pihak hospital kini sedang melengkapkan sebanyak 70,000 alat perubatan dan bukan perubatan sebelum memulakan operasi,"



Dzulkefly (dua dari kiri) semasa merasmikan Karnival Gaya Hidup Sihat DUN Paroi semalam.

katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Gaya Hidup Sihat Dewan Undangan Negeri

(DUN) Paroi di sini semalam.

Sebelum ini Dr Dzulkefly berkata, Hospital Rem-

bau akan memulakan operasi pada Jun lepas tetapi Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminud-

din Harun memaklumkan pembukaan hospital itu terpaksa ditangguhkan sehingga tahun hadapan.

Katanya, penangguhan operasi itu bertujuan pemeriksaan bagi memastikan kelengkapan hospital mencukupi.

Hospital yang dibina dengan kos RM1104 juta itu mempunyai kapasiti 76 katil merupakan kluster kedua Hospital Tuan Kuja (HTT) Seremban.

Pakar perubatan di HTT akan ditugaskan secara berkala di Hospital Rembau untuk rawatan tertentu.